



SIARAN MEDIA

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

**LAWATAN KERJA EAIC:
EAIC KETUAI LAWATAN PASUKAN PETUGAS KHAS CPI KE JPSM DAN MYSA**

UNTUK SIARAN SEGERA

28 MEI 2025

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menjalankan lawatan kerja Pasukan Petugas Khas Indeks Persepsi Rasuah (CPI) bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) ke Pejabat Hutan Daerah Temerloh, Pahang hari ini dan ke Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) pada 29 Mei 2025. Hadir dalam lawatan tersebut Puan Asliza binti Ali, Setiausaha merangkap Ketua Pegawai Eksekutif EAIC, serta pegawai-pegawai kanan EAIC, JPSM dan Pejabat Hutan Daerah Temerloh.

Lawatan ini bertujuan memperkukuh usaha penguatkuasaan dan tadbir urus sektor perhutanan negara dan merupakan inisiatif Focus Group (FG) Penguatkuasaan yang diterajui oleh EAIC, susulan dapatan Laporan Bertelsman Stiftung Transformation Index (BTI) 2024, yang menekankan isu penebangan hutan, kelemahan penguatkuasaan alam sekitar dan ketidakseimbangan antara pembangunan ekonomi dan kelestarian alam sekitar.

Objektif utama lawatan adalah untuk mendapatkan input/maklumat dari JPSM berhubung pemuliharaan dan pemeliharaan Hutan Simpan Kekal (HSK) oleh JPSM selepas Lesen Mengambil Hasil Hutan telah tamat tempoh serta mendapatkan taklimat berkaitan penggunaan teknologi satelit dalam mengesan sebarang perubahan hutan di negara ini, serta fungsinya dalam menangani isu hutan secara proaktif.

Sesi ini telah memberi peluang kepada Pasukan Petugas Khas CPI untuk membuat pemerhatian terhadap kawasan HSK yang telah dijaga dan dibuat semula penanaman pokok, serta memahami cabaran semasa yang dihadapi oleh agensi berkaitan khususnya dari segi penguatkuasaan dan menilai keberkesanan pelaksanaan sedia ada serta tahap sokongan yang diperlukan oleh JPSP dalam menyelesaikan isu pembalakan haram.

Secara keseluruhannya, lawatan ini telah mencerminkan komitmen EAIC dan agensi-agensi berkaitan dalam memperkasa integriti, memperkukuh keupayaan penguatkuasaan dan memelihara khazanah hutan negara melalui pendekatan teknologi, kerjasama rentas agensi serta pentadbiran yang telus.

Sebagai makluman, Mesyuarat Pasukan Petugas Khas CPI Bilangan 1 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 3 Oktober 2024 telah bersetuju dengan penubuhan enam (6) Focus Group Pasukan Petugas Khas CPI bagi memperbaiki prestasi Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah menjelang tahun 2033. EAIC telah diberi tanggungjawab untuk menerajui FG Penguatkuasaan, yang memberi fokus kepada aspek integriti, kecekapan dan ketelusan penguatkuasaan undang-undang di negara ini, termasuk dalam isu-isu berkaitan penguatkuasaan alam sekitar, jenayah hutan, serta tadbir urus rentas agensi.

#TAMAT#

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA